



ALRENETTE (empat kanan) menyampaikan cenderahati kepada Mas Adi sempena lawatan itu.

Pensyarah Pengurusan Perniagaan KVL lawat UMSKAL

UB 1.3.2019 B6

LABUAN: Program Pengurusan Perniagaan Kolej Vokasional Labuan (KVL) telah mengadakan lawatan ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Rombongan program itu diketuai Ketua Program Pengurusan Perniagaan KVL Alrenette Grance James bersama empat pensyarahnya iaitu Farah Sha'adah Hamzah, Noor Adelia Ahmad Othman, Hafizah Drahman dan Nurulhuda Mohd Kamil.

Alrenette berkata lawatan itu bertujuan mendapatkan maklumat terkini mengenai kebolehpasaran pelajar Pengurusan Perniagaan dalam bidang industri.

Di samping itu, katanya, untuk melihat kepada kesesuaian dan kesepadanan pembelajaran program dengan kehendak industri sebenar.

Sementara itu, UMSKAL diwakili Penolong Pendaftar yang juga Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia UMSKAL Mas Adi

Alimin bersama Penolong Pendaftar Kanan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Noraini Samsu.

Hasil daripada lawatan Program Pengurusan Perniagaan KVL, Mas Adi bersetuju dilantik sebagai ahli Technical Advisory Committee (TAC) industri bagi Program Pengurusan Perniagaan KVL.

Sementara Pensyarah Kanan UMSKAL Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid dan Pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan Hajah Nazarina Jamil bersetuju menjadi Panel Penasihat Akademik bagi Program Diploma Pengurusan Perniagaan di KVL.

Tidak ketinggalan juga, pihak UMSKAL akan mempertimbangkan untuk menerima pelajar diploma Pengurusan Perniagaan menjalani latihan industri mengikut kesesuaian kemahiran dan bidang masing-masing.

Lawatan berlangsung dari jam 2 hingga 5 petang itu diadakan di Bilik Eureka, Bangunan Menara UMS Labuan.